

**Manoharan Perlu Minta Maaf Secara Terbuka - Maslan
Bernama
19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Alam Shah M Manoharan perlu meminta maaf kepada rakyat Malaysia kerana telah menunjukkan 'semangat tidak patriotik' dengan mencadangkan bendera Malaysia diubah.

Menggesa demikian, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata Manoharan juga perlu melihat bendera Singapura dan Indonesia, yang tidak banyak bezanya dengan bendera Malaysia yang menggunakan warna merah dan putih.

Beliau berkata demikian kepada wartawan selepas merasmikan Pusat Latihan Jahitan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional yang diwujudkan dengan usahasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) TEKUN Nasional dengan kerjasama syarikat Mostwell Sdn Bhd.

"Saya meminta orang ramai agar menggesa beliau untuk meminta maaf kerana beliau telah menunjukkan semangat tidak patriotik," katanya mengenai komen Manoharan di laman sosial Facebooknya pada 16 Sept lepas.

Manoharan mendakwa bahawa beliau enggan mengibarkan bendera Malaysia kerana ia lebih mirip dengan Barisan Nasional (BN), bukan Malaysia.

Sementara itu, Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata parti itu tidak menyokong cadangan Manoharan itu kerana tidak ada keperluan untuk menukar bendera negara "Jalur Gemilang" memandangkan bendera Malaysia merupakan lambang kedaulatan negara yang perlu dipertahankan.

Tuan Ibrahim menjelaskan penukaran bendera bukan isu utama sebaliknya berpendapat anggota parti pembangkang perlu berusaha untuk memenangi pilihan raya umum akan datang.

"Itulah isu yang harus difokuskan oleh semua pemimpin, anggota, penyokong Pakatan Rakyat dan rakyat yang inginkan pembaharuan dan jaminan masa depan yang lebih baik," katanya.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=614458>